



SIARAN MEDIA

KEMPEN SUMBANGAN BAHAN AUDIO VISUAL

KUALA LUMPUR : 26 Februari 2020 – Arkib Negara Malaysia yang merupakan agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia kini sedang giat mempromosikan **Kempen Sumbangan Bahan Audio Visual** dengan tema “**Sejarah Kita Warisan Kita**”. Tujuan kempen ini diadakan adalah untuk menggalakkan orang ramai menyerahkan bahan-bahan audio visual yang mempunyai nilai sejarah untuk dipelihara dan disimpan kekal di Arkib Negara Malaysia serta menjadi bahan rujukan dan penyelidikan kepada generasi akan datang.

Penyertaan kempen ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang menyimpan atau memiliki koleksi asal/asli bahan audio visual berbentuk pita video (VHS), pita kaset, piring hitam dan gambar sama ada dalam bentuk bahan fizikal atau digital (CD / DVD). **Skop bahan yang diutamakan ialah Tempat dan Peristiwa / Upacara.** Kategori Tempat merujuk kepada jalan, kampung, bandar dan lain-lain yang berkaitan dengan kategori ini. Manakala bagi kategori Peristiwa/Upacara merujuk kepada mana-mana peristiwa bersejarah dalam Negara dan upacara adat dan budaya masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Bahan-bahan ini juga mestilah koleksi bahan sebelum Merdeka (1957) dan selepas Merdeka (1958 hingga 1970-an). Kempen ini telah bermula dan akan berakhir pada 30 April 2020.

Dua kategori dipertandingkan iaitu Foto Terbaik dan AV Terbaik. Pemenang akan menerima sijil penghargaan dan hadiah cenderamata daripada Arkib Negara Malaysia. Jika terdapat pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi Arkib Negara Malaysia di talian 03-62090798 atau kemukakan pertanyaan melalui emel berikut : azah@arkib.gov.my / suhana@arkib.gov.my. Arkib Negara Malaysia amat mengalu-alukan penyertaan dan sumbangan orang ramai bagi memelihara, memperkaya dan menyemarakkan lagi bahan “Sejarah Kita Warisan Kita”.

“SEJARAH KITA WARISAN KITA”
“Our History Our Heritage”

JOM MENYUMBANG BAHAN AUDIOVISUAL

VHS - KASET (AUDIO) - PIRING HITAM - GAMBAR

(Bahan Fizikal & Digital (cd/dvd))

SEBELUM / SELEPAS MERDEKA (1957-1970)

10 FEB HINGGA 30 APR 2020

PENYERTAAN:
TERBUKA UNTUK
SEMUA



#myarkibnegara / www.arkib.gov.my

f t i

MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:

Seksyen Arkib Pandang Dengar (SAPD),
03 6209 0798 / azah@arkib.gov.my / suhana@arkib.gov.my